

DOMPOK TANGKIS SPEKULASI

UMS akan terus
ajar Bahasa
Kadazandusun

RANAU: Bahasa Kadazandusun, satu daripada bahasa yang diajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS), akan terus diajar di universiti berkenaan dan pengajarannya di peringkat sekolah akan diperkemas, kata Presiden Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) Tan Sri Bernard Dompok kelmarin.

Beliau berkata Naib Canselor UMS Prof Tan Sri Dr Abu Hassan Othman

memaklumkannya bahawa universiti itu tidak bercadang menamatkan pengajaran bahasa itu.

"Saya menerima jawapan itu sebagai kata pemutus bahawa Bahasa Kadazandusun akan terus diajar di universiti berkenaan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Minggu Galakan Membaca Bahasa Kadazandusun 2002 di sini.

Dompok, yang juga Menteri di

Jabatan Perdana Menteri, diminta mengulas spekulasi kemungkinan pengajaran bahasa itu di UMS sejak 1999, dihentikan.

Mengenai pengajaran bahasa itu di sekolah-sekolah, Dompok berkata ia akan terus diperkemaskan terutama dari segi kurikulum pengajarannya agar terus relevan dengan dasar pendidikan negara.

Dompok juga gembira kerana kanak-

kanak dari kaum lain juga mengambil inisiatif mempelajari bahasa Kadazandusun itu.

"Penglibatan pelajar dari kaum lain membantu menyebarluaskan lagi penggunaan Bahasa Kadazandusun di kalangan masyarakat tempatan negeri Sabah," katanya.

Bahasa Kadazandusun mula diajar di sekolah-sekolah negeri ini pada 1997. — Bernama